

DRAF TEKS UCAPAN ALUAN

**DATO' PROF. MOHD ROSLAN SULAIMAN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

PERSIDANGAN KETERJAMINAN DAN SEKURITI MAKANAN 2023

**BERTEMPAT DI
DEWAN BESAR PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN
SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (PKKSSAAS) UNIVERSITI PUTRA
MALAYSIA**

15 OGOS 2023

Terima kasih, saudara pengacara majlis.

1. Yang Berhormat
Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pendidikan Tinggi
2. Yang Berbahagia
Dato' Seri Abdul Razak Jaafar
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi
3. Yang Berbahagia
Datuk Lokman Hakim Ali
Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
4. Yang Berbahagia
Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo
Pengerusi Lembaga Pengarah UPM
5. Yang Berbahagia
Dato' Dr. Mohd Fauzi bin Haji Ramlan
Chairman UPM Holdings
6. Yang Berbahagia
Ir. Ts. Dr. Syed Mohamad Hamzah Al-Junid bin Syed Abdul Rahman
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
UPM Holdings Sdn. Bhd.
7. Yang Berbahagia
Prof. Dr. Nazamid Saari
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Persidangan Keterjaminan Makanan
Kebangsaan 2023
8. Ketua-ketua Jabatan Agensi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
9. Pegawai-pegawai Kementerian
10. Ahli Jawatankuasa Penganjur Persidangan Keterjaminan dan Sekuriti Makanan
2023
11. Pegawai-Pegawai Kanan Universiti
12. Serta Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. Segala puji bagi ALLAH SWT Pentadbir seluruh Alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala Rasul, pembawa rahmat seluruh alam.
2. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, kita dapat hadir bersama-sama pada hari ini dalam Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2023 yang bertemakan “Kelestarian Produktiviti Makanan Negara”
3. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Universiti Putra Malaysia dan Jawatankuasa Penganjur, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato’ Seri Mohamad Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi kerana sudi meluangkan masa untuk merasmikan persidangan ini.
4. Kehadiran dan sokongan YB. Dato’ Seri tentunya memberi semangat dan dorongan kepada warga Universiti Putra Malaysia, Jawatankuasa Penganjur serta para peserta pagi ini.
5. Dikesempatan ini juga, saya bagi pihak warga UPM ingin mengucapkan selamat datang ke Universiti Putra Malaysia, Menara Ilmu dan kampus hijau ini kepada hadirin sekalian.
6. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Institut Pertanian Tropika & Sekuriti Makanan (ITAFoS), fakulti-fakulti dan institut-institut yang UPM yang terlibat dalam menerajui Persidangan ini.
7. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya rakamkan kepada semua 25 agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan badan-badan profesional sebagai penganjur bersama bagi menjayakan persidangan ini. Kerjasama strategik ini sangat penting bagi memperkasakan keterjaminan makanan negara.
8. Yang Berhormat Dato’ Seri serta hadirin sekalian, suka saya memaklumkan bahawa pada 5 dan 6 Ogos yang lalu, UPM telah menerima sijil dari Malaysia Book of Record atas pengikrahan mengumpulkan lebih 3000 komuniti pertanian dalam Persidangan Komuniti Pertanian Kebangsaan 2023 yang dianjurkan oleh Fakulti Pertanian UPM.

9. Dalam acara ini, pakar pertanian UPM bersama agensi-agensi kerajaan dan industri telah melakukan pemindahan dan perkongsian ilmu pertanian untuk membantu komuniti kategori B40 menjana pendapatan sampingan melalui aktiviti pertanian selain membantu negara dalam meningkatkan keterjaminan makanan dalam negara.

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Tuan-tuan, para hadirin sekalian.

10. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Seri, persidangan hari ini disertai oleh lebih tiga ratus empat puluh dua (342) orang peserta, empat belas (14) pembentang kertas kerja, dua (2) sesi forum serta menarik 36 pempamer produk dari agensi kerajaan dan industri.
11. Yang mana, diakhir persidangan ini, akan menghasilkan satu kertas resolusi keterjaminan makanan negara yang akan diserahkan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
12. Resolusi ini merupakan cambahan hasil perbincangan dan kupasan isu-isu semasa yang membantu membentuk halatuju baharu pertanian dan agenda keterjaminan makanan negara kepada rakyat.

Yang berbahagia Dato' Seri dan hadirin yang dimuliakan.

13. Universiti Putra Malaysia beriltizam untuk terus memacu kecemerlangan di dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan untuk membantu kerajaan menangani isu bekalan dan peningkatan harga makanan yang dihadapi oleh negara.
14. Ini adalah selari dengan **Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025** dalam teras strategik memperkasakan penyelidikan dan pembangunan, berteraskan sekuriti makanan ke arah meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan dan input pertanian seperti makanan ternakan, baka dan benih berkualiti secara domestik.
15. UPM telah diamanahkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menerajui penyelidikan dibidang pertanian dan keterjaminan makanan. Banyak produk inovasi pertanian dan keterjaminan makanan yang telah dihasilkan oleh UPM.
16. Dalam hal ini, penganjuran Persidangan Komuniti Pertanian Kebangsaan 2023 dan Persidangan Keterjaminan makanan ini adalah menifestasi Pelan Strategik

UPM 2021 – 2025 iaitu untuk mengukuhkan agenda sekuriti makanan negara menerusi penglibatan universiti bersama komuniti dan **Ikhtiar Pertama** yang telah saya naratifkan pada awal tahun 2023 iaitu Memperteguh Sumbangan Dalam Pertanian Dan Keterjaminan Makanan merentas disiplin ilmu.

17. Ini dirancakkan dengan inovasi oleh warga UPM, Pengkomersial Padi Varieti baharu yang unggul berhasil tinggi dan rintang penyakit iaitu varieti Padi Putra 1 dan Putra 2 yang akan dilancarkan pada hari ini, inovasi pertanian seperti alat pengesan pintar untuk kualiti buah dan Bakul Menuai Nanas Ergonomik dan banyak lagi.
18. Agenda ini diperteguhkan lagi dengan membangunkan Program Bachelo Teknologi Pertanian Pintar yang telah pun membuat ambilan pertama pada sesi kemasukan 2022/2023 yang lalu disamping program pengajian pertanian sedia ada yang ditawarkan.

Yang Berhormat Dato' Seri dan hadirin sekalian.

19. Harapan kami, agar Kementerian Pendidikan Tinggi serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan **terus** memberikan sokongan kepada UPM dalam menjayakan agenda keterjaminan makanan ini.
20. UPM dalam usaha membantu kerajaan dalam menoktahkan kemiskinan dan meningkatkan keterjaminan makanan telah mengorak langkah dengan menjadi rakan strategik pertama Kementerian ekonomi dalam mengintegrasikan Teknologi pintar tanaman dalam melatih graduan Dan peserta miskin tegar untuk menjadi usahawantani berteknologi tinggi. Sebanyak 35 juta telah Di salurkan Oleh Kementerian ekonomi Dalam melaksanakan projek rintis bagi memastikan model usahawan tani Di peringkat komersial dapat Di laksanakan. Selain itu, usahawan tani ini bakal menjadi pengurus - pengurus Di ladang Yang akan Di bangunan Oleh kementerian ekonomi seluruh Malaysia.
21. Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya mewakili Universiti Putra Malaysia sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mohamad Khaled Nordin atas kesudian melapangkan masa bagi meraikan dan merasmikan persidangan ini.
22. Tahniah diucapkan kepada warga kerja Universiti Putra Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, serta semua yang turut sama terlibat dalam penganjuran **PERSIDANGAN KETERJAMINAN MAKANAN KEBANGSAAN 2023**.

23. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada peserta, pembentang kertas kerja, pengerusi sesi serta para tetamu yang menghadiri persidangan ini.

Sekian

wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.